

ZAKAT

8 SEPTEMBER 2023 | 22 SAFAR 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Zakat adalah rukun Islam yang menjadi kefardhuan setiap individu yang layak untuk menunaikannya, apabila telah cukup syarat-syarat ditetapkan oleh syarak. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al Baqarah ayat 43 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

Yang bermaksud: “Dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk”.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ، وَإِقَامِ

الصَّلَاةِ ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ ، وَالْحَجِّ ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Yang bermaksud: “Islam itu terbina atas lima perkara: bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Muhammad utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan menunaikan puasa pada bulan Ramadan”.

Ini jelas menunjukkan bahawa ibadah zakat tidak boleh dicuakan sebagaimana ibadah solat lima waktu. Ini kerana terbinanya Islam dalam diri seseorang itu memerlukan kelima-lima rukun tersebut. Tanpa salah satu daripadanya maka tidak akan sempurnalah Islam seseorang itu.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Syarat-syarat wajib menunaikan ibadah zakat adalah Islam, merdeka, milik sempurna, cukup haul (satu tahun hijriah) dan nisab (kadar). Bagi zakat emas atau wang, nilai nisabnya sebanyak 85-gram emas yang menyamai nilai semasa sekitar RM 24 ribu. Manakala bagi zakat tanaman dikeluarkan selepas mengutip hasilnya. Keengganan membayar zakat dalam keadaan dia telah mencukupi syarat, adalah berdosa besar.

Allah Subhanahu wa-Ta'ala memberi amaran kepada golongan kaya yang mempunyai simpanan wang ringgit dan emas supaya mengeluarkan zakat. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Taubah ayat 35:

يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا

مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ

Yang bermaksud: “(Ingatlah) pada hari ketika emas dan perak dipanaskan dalam neraka Jahanam, lalu dengan itu diseterika dahi, rusuk dan belakang mereka (seraya dikatakan) kepada mereka, “Inilah harta bendamu yang kamu simpan untuk dirimu sendiri, maka rasakanlah (akibat dari) apa yang kamu simpan itu.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Bagi umat Islam di negeri Pahang khususnya yang bekerja di negeri Pahang hendaklah membayar zakat di negeri ini iaitu membayar zakat kepada Pusat Kutipan Zakat Pahang. Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang yang bersidang pada 24 Julai 2023 telah menfatwakan bahawa umat Islam yang bekerja di negeri Pahang hendaklah membayar zakat di negeri tersebut.

Wang zakat yang dikutip setiap tahun oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang akan diagihkan kepada 8 asnaf terutama asnaf fakir dan miskin.

Pada tahun 2022, kutipan zakat adalah sebanyak RM 226 juta. Dan telah diagihkan sebanyak RM223 juta yang melibatkan 135,742 orang penerima.

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang telah mengadakan satu program untuk membantu fakir miskin di setiap masjid kariah di seluruh negeri Pahang semenjak pandemik Covid 19 sehingga hari ini yang dinamakan Dapur Zakat. Pihak masjid hendaklah bertanggungjawab serta memudahkan urusan pengagihan bantuan Dapur Zakat ini kepada asnaf fakir miskin di kariah masing-masing. Pihak masjid juga boleh menggunakan tabungan masjid atau memohon kepada Majlis Ugama sekiranya Dapur Zakat masjid ini memerlukan dana tambahan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam di negeri ini menyalurkan bantuan kepada saudaranya yang berada dalam kesusahan supaya mereka terbela. Kita juga boleh memberitahu Majlis Ugama jika terdapat asnaf-asnaf yang layak diberikan bantuan zakat. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ
وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: *“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah,*

kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)“

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.